

31 JAN 2001

Mahathir-Bahrain

DR MAHATHIR KUNJUNGI PERDANA MENTERI BAHRAIN

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa di hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan, di sini.

Shaikh Khalifa sedang mengetuai delegasi 55 anggota dari Bahrain untuk lawatan tiga hari ke Malaysia.

Semasa kunjungan selama kira-kira 45 minit itu, Dr Mahathir dan Shaikh Khalifa turut membincangkan perkara berkaitan hubungan dua hala terutama dalam bidang ekonomi.

Ketika memberi taklimat kepada media kemudian, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, pada pertemuan itu Shaikh Khalifa berterima kasih kepada Dr Mahathir dan menyifatkan lawatannya ke negara ini sebagai amat berjaya walaupun dalam masa yang singkat.

Katanya, Perdana Menteri Bahrain itu juga berharap dapat mengadakan kerjasama yang lebih berkesan dengan Malaysia khususnya dalam bidang ekonomi.

Shaikh Khalifa juga menjemput Dr Mahathir melawat Bahrain pada masa akan datang.

Syed Hamid berkata Shaikh Khalifa juga melahirkan rasa kagumannya dengan pembangunan Malaysia dan memuji pencapaian negara ini daripada segi pembangunan ekonomi dan kestabilan politik.

"Perdana Menteri Bahrain berkata Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai perancangan baik yang boleh dipelajari oleh Bahrain," katanya.

Syed Hamid berkata dalam pertemuan itu, Dr Mahathir turut meminta Bahrain mempertimbangkan cadangan supaya diwujudkan satu lembaga bagi mengurus perkhidmatan kewangan Islam yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Katanya, perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu banyak tertumpu kepada bidang ekonomi dan teknologi.

Malaysia juga melahirkan harapan supaya Bahrain memperbanyakkan pelaburan di negara ini, katanya.

Syed Hamid berkata Shaikh Khalifa berharap akan wujud lawatan susulan di peringkat pegawai dan menteri Malaysia ke Bahrain bagi mengenal pasti bentuk kerjasama yang boleh dilakukan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata Dr Mahathir juga menerima jemputan Shaikh Khalifa untuk melawat Bahrain, dan tarikh lawatan itu akan diputuskan kelak.

Sementara itu, Menteri Laur Bahrain Shaikh Mohammed Mubarak Al-Khalifa berkata Perdana Menteri negara itu dan delegasinya percaya mereka telah dapat mengadakan perbincangan yang berhasil dengan pemimpin Malaysia semasa lawatan tiga hari itu.

Beliau berkata kedua-dua negara telah bersetuju untuk menubuhkan suruhanjaya bersama bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala termasuk dalam bidang ekonomi.

Shaikh Mohammed berkata memorandum persefahaman yang ditandatangani antara Malaysia dan Bahrain akan membolehkan Malaysia membantu Bahrain dalam pembangunan pelabuhan baru, Pelabuhan Salman, dan kawasan perindustrian.

Beliau berkata Malaysia dan Bahrain juga boleh menerokai kerjasama kewangan memandangkan Bahrain mempunyai sistem kewangan yang penting di kawasan Teluk dan Asia Barat keseluruhannya.

"Kami telah melawat beberapa institutsi Malaysia dan kami amat kagum dengan apa yang kami lihat terutama Universiti Multimedia. Kami telah

berbincang tentang cara-cara untuk bekerjasama dan mendapat faedah dari Malaysia," katanya.

Menurut beliau, Perdana Menteri Bahrain juga berharap lawatan antara pemimpin kedua-dua negara akan berterusan kerana Malaysia adalah negara Islam yang sangat penting.

"Kedua-dua negara mempunyai hubungan yang kuat dan kita ingin melihat hubungan itu diperkukuhkan lagi dalam semua bidang. Inilah rangka kerja lawatan ini dan kami harap kerjasama ini akan terus berkembang," katanya.

Shaikh Mohammed berkata kedua-dua pemimpin itu juga telah membincangkan kerjasama politik dan isu-isu kepentingan bersama termasuk proses damai di Asia Barat dan konflik serta keselamatan di Teluk.

"Bagi kebanyakan isu itu, kedua-dua pihak mempunyai pandangan yang serupa terutamanya mengenai konflik Asia Barat," katanya.

Beliau berkata Bahrain berasa gembira dengan pendirian dan sokongan Malaysia kepada hak rakyat Palestin dan kedudukan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin yang merdeka.

-- BERNAMA

HS ZS NMO